

DATE: 13/4/2010

# Najib temui Obama

BH - 13/04/2010

Pemimpin  
tunggal Asean  
berjumpa  
Presiden Amerika

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Barack Obama di Pusat Konvensyen Walter E Washington, di sini pagi semalam (11.45 malam tadi waktu Malaysia), lima jam sebelum 47 negara dunia berdebat pada Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear.



Pertemuan rasmi pertama dua pemimpin itu turut diiringi Pemangku Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis.

Najib adalah salah seorang daripada sembilan pemimpin dunia yang diberi keistimewaan menemui Obama untuk berbincang mengenai pelbagai perkara kepentingan bersama dan dunia.

LIHAT MUKA 2

